

## **PERBADANAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA(SMIDEC)**

**SMIDEC** telah ditubuhkan pada 1996 sebagai sebuah agensi kerajaan yang khusus untuk menggalakkan pembangunan IKS.

**SMIDEC** berusaha untuk meningkatkan kecekapan dan daya tahan Enterprise Kecil dan Sederhana(EKS) supaya menjadi lebih kompetitif dalam suasana pasaran yang liberal. Perbadanan juga akan menggalakkan EKS untuk menjadi sebahagian daripada industri penyokong kearah pembangunan industri Negara serta menjadi pengeluar bertaraf dunia dan global.

### **Fungsi-fungsi**

1. Menggalak dan menyelarar pembangunan EKS di Malaysia melalui:
  - Aktiviti-aktiviti promosi
  - Penubuhan pejabat-pejabat wilayah
  - Kajian-kajian berkaitan
  - Pengumpulan maklumat untuk pangkalan data yang komprehensif
2. Memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal melalui:
  - Program-program Pembangunan EKS
  - Pusat Maklumat dan Khidmat Nasihat EKS
  - Panel Penasihat Pakar EKS
3. Mengalok rantai industri diantara EKS dengan syarikat syarikat besar/ syarikat multinasional melalui:
  - Program Rantainya Global
  - Program Pembekal Global
4. Melaksana dan menyelarar skim-skim bantuan kewangan untuk EKS melalui:
  - Pinjaman mudah
  - Geran-geran
5. Bekerjasama dengan agensi-agensi lain sama ada tempatan atau antarabangsa yang bertujuan membangunkan EKS melalui program seperti:
  - Program peningkatan kemahiran untuk pekerja-pekerja EKS
  - Program penempatan pekerja-pekerja EKS
  - Penempatan pakar-pakar asing bagi EKS yang terpilih.

### **Geran-geran SMIDEC**

- 1. Geran untuk pembangunan dan promosi produk halal.**  
Bantuan di beri dalam bentuk geran bersamaan dimana 50% daripada kos projek yang diluluskan dibiayai oleh kerajaan dan bakinya oleh pemohon. Jumlah geran untuk setiap syarikat ialah RM150,000.
- 2. Geran untuk peningkatan produk dan proses.**  
Bantuan diberi dalam bentuk geran bersamaan dimana 50% daripada kos projek yang diluluskan dibiayai oleh kerajaan dan bakinya oleh pemohon. Jumlah maksima peruntukan geran untuk setiap syarikat ialah RM500,000.
- 3. Geran untuk peningkatan Keupayaan Rekabentuk Pembukusan dan Pelabelan Produk EKS.**  
Bantuan diberi dalam bentuk geran bersamaan dimana 50% daripada kos projek yang diluluskan dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya oleh pemohon. Jumlah maksimum geran untuk setiap syarikat ialah: **RM200,000**.
- 4. Tabung Bantuan Teknikal Industri(ITAF 1)**  
Tujuan : membiayai khidmat juruperunding dalam kajian-kajian.  
Jumlah maksimum geran ialah: **RM 40,000**

*Untuk keterangan lanjut sila hubungi:*

### **Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana(SMIDEC)**

801C, Aras 8, Tower C, Uptown 5  
No.5 Jalan SS21/39, Damansara Utama,  
47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-76287400  
Faks:03-76651920  
Web: [www.smidec.gov.my](http://www.smidec.gov.my)